

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 07 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 50-100574
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan di dalam menangani kemelesetan ekonomi dunia yang sedang berlaku, terutamanya dalam krisis harga minyak dunia yang mengancam ekonomi negara.
2. 37-100001
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian mengawal-selia kegiatan-kegiatan pemasaran komersial menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS, terutama sekali terhadap pakej-pakej pemasaran SMS yang membabitkan kutipan wang daripada pengguna telefon bimbit.
3. 76-100513
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan mengapa tarian tradisional yang dipersembahkan di majlis-majlis keramaian kebangsaan dan pesta-pesta pelancongan dicemari unsur-unsur budaya popular dari luar walaupun Malaysia kaya dengan kebudayaan tersendiri yang indah lagi unik. Adakah usaha untuk mengembalikan dan menggalakkan keaslian kesenian dan warisan kita.
4. 56-100086
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan di mana sektor perniagaan MAS telah mengalami kerugian sebanyak RM281,000,000.00 di suku pertama tahun ini dan apa langkah yang telah diambil untuk mencegah berlakunya kerugian di dalam sektor-sektor ini.

5. 20-100394
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan bagi menjayakan hadiah "Jom Tukar dan Menang", dalam menggalakkan pertukaran MyKad dan apakah kesan-kesan selepas pelaksanaan program tersebut.
6. 47-100313
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah kos program angkasawan Malaysia dan berapakah yang telah dilatih setakat ini serta apakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan angkasawan Malaysia yang berwibawa.
7. 72-100604
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah laluan MRR2 masih belum dibuka sepenuhnya dan sehingga kini sejauh manakah status kerja-kerja membaik pulih dan bilakah dijangka akan siap sepenuhnya dan dapat beroperasi semula.
8. 7-100150
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan prosedur untuk menghidupkan semula rancangan 'Buku Hijau' yang telah diumumkan baru-baru ini.
9. 54-100080
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan dan pelan tindakan untuk mengatasi wabak selesema burung di Malaysia dan sama ada kakitangan-kakitangan hospital-hospital dan juga klinik-klinik mempunyai kelengkapan untuk mengawal wabak ini dengan serta merta.
10. 18-100250
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengelakkan kemasukan pegganas-peggnas yang dikatakan berkait rapat dengan kematian Dr. Azhari Hussin demi menjaga ketenteraman negara.
11. 19-100014
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk melantik Naib-naib Cancellor, Timbalan-timbalan Naib Cancellor dan Dekan-dekan Universiti-universiti tempatan serta siapakah yang bertanggung-jawab melantik mereka ini.

12. 57-100360
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melakukan pencarian maklumat "trademark" secara "on-line" dan adakah kemudahan ini juga dapat meliputi pendaftaran dan pembayaran.
13. 52-100551
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang AP umum seperti gula, beras, komoditi, barang makanan terkala dan sebagainya. Apakah polisi Kementerian serta Kerajaan akan perkara ini terutamanya tentang monopoli yang dipegang begitu lama oleh sesetengah individu ataupun syarikat.
14. 70-100060
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian berikutan terlalu tinggi kemalangan yang berlaku di tempat kerja dalam sektor perkilangan dan diikuti dengan sektor perdagangan.
15. 75-100582
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama syarikat-syarikat Insurans yang beroperasi di negara kita. Nyatakan jumlah pelanggan mereka mengikut kaum untuk insurans hayat serta jumlah keuntungan syarikat-syarikat tersebut antara tahun 1999 - Jun, 2005 untuk semua polisi dan jumlah pampasan yang telah dilunas kepada pelanggan bagi polisi kenderaan bermotor dan kemalangan.
16. 49-100533
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengikut garis panduan bagi peruntukan perumahan rakyat termiskin yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara di setiap negeri, kadar sewaan yang dikenakan adalah RM124 dan tempoh sewaan adalah selama 5 tahun:-
- (a) bagaimanakah kadar pengiraan sewa tersebut dibuat; dan
 - (b) apakah rasional bagi tempoh sewaan 5 tahun.
17. 44-100326
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan pusat pemulihan dadah yang diuruskan oleh pihak swasta di Malaysia dan berapakah bilangan yang dikendalikan oleh orang Islam dan bukan Islam. Sejauh manakah kesulangan (relapse rate) pusat pemulihan swasta berbanding dengan pusat serenti.

18. 65-100130
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan objektif-objektif yang hendak dicapai oleh Tabung Haji dengan penyenaiaan Tabung Haji Plantations di Bursa Malaysia tidak berapa lama lagi.
19. 58-100462
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan setakat tahun ini, apakah tahap prestasi pengkomersilan hasil kegiatan R&D yang dilaksanakan melalui program IRPA.
20. 78-100595
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setelah Kementerian melaksanakan mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris, sejauh manakah tahap kemajuan pencapaian tersebut bagi pelajar luar bandar berbanding sebelum sistem ini digunakan.
21. 69-100430
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak KWSP bercadang untuk mempertimbangkan permohonan mengeluarkan caruman bagi menunaikan Fardu Haji bagi kes-kes tertentu seperti kes pemberhentian kerja atau wanita yang suami mereka tidak bertanggungjawab. Ini membolehkan pencarum dapat mengerjakan ibadah Haji pada usia muda dan dalam keadaan sihat.
22. 73-100180
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya yang semakin merunsingkan serta meragut nyawa tanpa batasannya.
23. 17-100143
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramai peserta yang telah diberikan latihan penggunaan senjata api dalam Program Latihan Khidmat Negara selama ini, dan adakah Kementerian bertujuan bagi memperluas latihan penggunaan senjata api dalam Program Latihan Khidmat Negara.
24. 79-100543
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik mengenai jumlah kakitangan awam bagi setiap kategori/gred jawatan mengikut kaum.

25. 29-100195
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis projek dan jumlah bayaran tertangguh (Deferred Payment) bagi projek RMK-8 yang perlu dibayar dalam RMK-9. Sejauh manakah keberkesanan sistem pemantauan projek bagi memastikan projek program dalam RMK-8 itu disempurnakan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.
26. 9-100395
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan apabila pihak Kastam telah membuat taksiran cukai bagi barangan yang diimport dan cukai telah dibayar oleh pengimport mengikut taksiran tersebut, bolehkah pihak Kastam membuat penilaian cukai import sekali lagi ke atas barangan yang sama setelah barangan dijual dan digunakan oleh pengguna. Jika boleh berapa kalikah pihak kastam boleh membuat taksiran-taksiran baru ke atas barangan yang telah dibayar cukai, dijual dan digunakan oleh pengguna.
27. 77-100498
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil dalam kempen anti merokok memandangkan syarikat tembakau akan memperkenalkan rokok yang lebih selamat.
28. 21-100089
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian boleh membantu Kerajaan Negeri dan Yayasan Negeri yang telah memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar sehingga berjaya mendapat ijazah dan kemudiannya bekerja tetapi enggan atau gagal membayar pinjaman mereka dihalang keluar dari negara seperti yang telah dilakukan oleh PTPTN.
29. 67-100286
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah visi Kerajaan di dalam penggubalan RMK-9 terutama di dalam meningkatkan tahap kesejahteraan dan kemakmuran rakyat, dari aspek kesihatan dan keceriaan hidup.
30. 74-100095
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah punca pengurangan pelancong dari negara China yang berkunjung ke Malaysia pada tahun ini.

31. 39-100189
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang potensi 'barter trade'. Kita difahamkan satu kajian telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk mengenalpasti potensi ini. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi usaha untuk memperluaskan lagi barter trade sebagai satu sumbangan ekonomi negara.
32. 9-100397
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ciri-ciri Bank IKS yang baru ditubuhkan berbeza dengan Bank Pembangunan dan Bank Industri dan juga Bank-bank Perdagangan yang lain yang dapat memberi kelebihan kepada usahawan bumiputera untuk membangun dalam sektor perindustrian dan perniagaan.
33. 39-100187
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang masalah kemalangan jalan raya yang semakin serius pada masa sekarang di mana 60% kemalangan ini melibatkan remaja. Apakah puncanya dan wajarkah cadangan agar diterapkan kursus pemanduan berhemah dalam program PLKN supaya masalah ini dapat dikurangkan.
34. 66-100456
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah penyelarasan projek-projek Pembangunan Pendidikan yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 memberi keutamaan kepada kawasan yang begitu kritikal seperti di Bintulu, Sarawak.
35. 51-100131
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang memasang lampu jalan di simpang tiga Jalan Besar - Jalan Chui Chak di Pekan Langkap Perak, memandangkan lalu lintas di simpang tersebut semakin sibuk dan jika tidak, nyatakan sebabnya.
36. 59-100015
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah wujud kemungkinan untuk Kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau Undang-undang Pencegahan (Preventive Laws) untuk menahan penyeludup-penyeludup minyak diesel yang disubsidikan oleh Kerajaan.
37. 77-100459
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM serta pendirian negara-negara Islam terhadap ancaman Amerika untuk menyerang Syria dan Iran.

38. 43-100273
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) mengapa komponen kereta potong masih diimport walhal kereta potong diharamkan; dan
 - (b) apakah benar seperti yang telah diberitahu oleh Puspakom bahawa setakat Ogos lalu, Puspakom memeriksa 20,000 kenderaan daripada jumlah itu 1,502 adalah kenderaan potong seperti yang dilaporkan di salah sebuah akhbar.
39. 74-100097
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi biasiswa JPA kepada semua pelajar lepasan SPM yang berjaya memperoleh 10A ke atas.
40. 61-100344
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kajian semula bagi pengeluaran lesen kilang mencetak VCD/CD. Ini disebabkan terdapat lebih dari 27 buah kilang di Malaysia yang mencetak VCD/CD haram dan lucah.
41. 65-100129
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk ajaran-ajaran sesat yang di bawa oleh Ayah Pin, pemimpin agama Kerajaan Langit.
42. 76-100523
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi jangka panjang dan pendek Kementerian bagi mengurangkan pergantungan pada import bahan atau barangan makanan (foodstuff) yang mencecah lebih RM12 bilion setahun.
43. 60-100446
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyakkah kes-kes penjualan MyKad kepada sindiket untuk tujuan pemalsuan kad berkenaan. Apakah bentuk hukuman kepada pesalah-pesalah tersebut dan bagaimanakah MyKad palsu ini dapat dikesan.
44. 45-100481
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha terkini Kerajaan dalam menyelaraskan undang-undang jenayah syariah dan pentadbiran Islam di seluruh negara.

45. 38-100355
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah penerima pencen ilat yang ditarik balik kemudahan itu kerana penipuan atau didapati boleh bekerja semula pada tahun ini.
46. 30-100559
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk menggunakan "sistem lompat kelas" kepada pelajar yang maju dan berjaya dalam pelajaran agar dalam usia yang muda mereka dapat melangkahhkan kaki ke menara gading seperti yang diamalkan oleh beberapa buah negara maju seperti United Kingdom mahupun Amerika Syarikat.
47. 60-100426
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mencegah wabak selesema burung (AI) daripada merebak ke Malaysia. Apakah Malaysia mempunyai kelengkapan perubatan yang canggih untuk mengatasinya.
48. 62-100602
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan rancangan bagi Menteri-menteri Kabinet ke arah membantu YAB Perdana Menteri memerangi rasuah dan membudayakan integriti dalam masyarakat.
49. 29-100234
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes muflis kerana hutang kad kredit dari 2000 hingga 2004. Berapakah jumlah hutang yang tertunggak baru diisytiharkan muflis. Berapakah jumlah kakitangan Jabatan Insolvensi sekarang ini dan bilakah ianya dijangka dapat diselesaikan.
50. 33-100042
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perkembangan dengan penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai kumpulan pengaman di Selatan Filipina di Mindanao. Berapa lamakah Angkatan Tentera kita dijangka berada di situ.
51. 45-100471
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah dan nilai rampasan yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap peniaga-peniaga yang gagal mempamerkan harga barangan di seluruh negara semenjak Januari 2005.

52. 38-100337
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem amaran awal runtuh cerun yang telah dilaksanakan di negara ini.
53. 56-100111
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah badan disiplin yang telah ditubuhkan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dan nyatakan juga apakah pembangunan dan kejayaan yang telah dicapai setakat hari ini dan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan tersebut.
54. 40-100266
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana keberkesanan pemantauan harga barang-barang kesan daripada kenaikan harga petrol baru-baru ini.
55. 48-100040
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan standard pengajian tinggi apabila dilaporkan kedudukan buruk Universiti Malaya dalam tinjauan 200 universiti di dunia.
56. 20-100383
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian Syarikat Penerbangan MAS sejak tahun 2000-2004 dan punca-puncunya. Apakah rancangan membaik pulih sistem pengurusan syarikat penerbangan ini.
57. 18-100259
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kawalan yang dibuat terhadap pengeluar-pengeluar sijil-sijil halal dan sejauh manakah tindakan dapat diambil terhadap mereka yang mengeluarkan sijil-sijil untuk kegunaan sendiri.
58. 46-100219
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan sepanjang tahun 2004 dan 2005 dan sejauh manakah keberkesanan program tersebut dalam menangani gejala dadah.

59. 62-100623
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah kejayaan misi hubungan luar Perdana Menteri dapat dimanfaatkan rakyat, terutamanya di dalam membangunkan kerjasama dan perkongsian bijak dengan rakan-rakan dari negara luar terutama di peringkat bawah yakni rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.
60. 8-100628
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status sebenar mengenai rancangan menghapuskan kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan menjelang hujung tahun ini (2005).
61. 81-100632
Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah persediaan Malaysia di dalam menghadapi wabak besar (Pandemik) selesema burung yang mana menjadi ketakutan dunia ketika ini.
62. 53-100642
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan semua program yang disiarkan di rangkaian televisyen kita untuk memberikan sub title dalam bahasa Inggeris bagi memantapkan lagi penggunaan bahasa Inggeris sepertimana yang disarankan oleh Perdana Menteri bagi menguasai bahasa tersebut di kalangan masyarakat kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarhamah Y.A.Bhg. Datin Seri Endon Mahmood, isteri Y.A.B. Perdana Menteri pada 20 Oktober 2005 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan keluarganya”.

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R.19/2005) | Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R.18/2005) | Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005 | “ |
| 4. | (D.R. 20/2005) | Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 5. | (D.R. 21/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 | “ |
| 6. | (D.R. 23/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 22/2005) | Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 8. | (D.R. 24/2005) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMENT</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 119	Akaun Awam Persekutuan 2004	7 Disember 2005
ST.121	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2005 Hingga 15 Ogos 2005 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966.	7 Disember 2005
CMD. 17	Laporan Ekonomi/Economic Report 2005	7 Disember 2005
CMD.18	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2005.	7 Disember 2005
CMD.18A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, Tahun 2005 Bagi Kerajaan Malaysia.	7 Disember 2005
CMD.19	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 2005.	7 Disember 2005
CMD.19A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, Tahun 2005 Bagi Kerajaan Malaysia.	7 Disember 2005
CMD.20	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2005 Hingga 15 Ogos 2005 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	7 Disember 2005

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMENT</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 21	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 2006	7 Disember 2005
CMD. 22	Bajet Persekutuan 2006 Anggaran Perbelanjaan dan Bajet Program dan Prestasi 2006	7 Disember 2005
CMD. 23	Senarai Perjawatan 2006	7 Disember 2005
CMD. 34	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas isu-isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian, Jabatan serta Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2004	7 Disember 2005
CMD. 35	Laporan Ketua Audit Negara Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2004 Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2004	7 Disember 2005
CMD. 37	Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2006	7 Disember 2005